

• Syarikat gagal serah kepada pemilik • Kini dalam pegangan Pendaftar WTD

RM5.6b wang tidak dituntut

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Julai

SEBANYAK RM5.6 bilion jumlah Wang Tak Dituntut (WTD) di bawah Pengawal Keamanan Pendaf

syarikat tersebut dalam tempoh tidak kurang dari setahun. Selain itu, wang yang pertama dibayar adalah kira-kira (ditulis) yang diluluskan untuk dibayar semula dan yang telah diluluskan untuk bayaran, diaf bank dan dikenakan

porti, entah pihak syarikat

dengan perihal dalam tempoh

masuk tidak kurang dari dua ta-

hun.

"Oleh itu, mana-mana indi-

vidi boleh membuat semakan

mana ada mereka mempunyai

WTD dengan pihak Pendaftar

walaupun masa tam-

pan."

Hal ini berlaku apabila

syarikat terbabit gagal

menyerahkan wang

berkenaan kepada

pemilik apabila pemilik

berkenaan

KERATAN Utusan Malaysia 4 Julai 2017.

Tuntutlah wang anda

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Julai - Mungkin ramai yang tidak mengetahui rupa-rupanya ada sejumlah wang milik kita di dalam bank, firma atau syarikat yang tidak dituntut sejak bertahun-tahun lamanya.

Malah, kita sendiri sebenarnya lupa atau tidak tahu tentang kewujudan wang tersebut.

Ramai juga yang tidak tahu se- makan Wang Tak Dituntut (WTD) boleh dibuat di Bahagian WTD, Jabatan Akauntan Negara.

Manakan tidak, kini terda- pat sebanyak RM5.6 bilion jumlah terkumpul WTD dilaporkan masih gagal diserahkan kepada empunya kerana tiada tuntutan dibuat.

Bahkan, penulis sendiri mengalami keadaan ini - tidak tahu yang diri sendiri sebenarnya mempunyai sejumlah wang dari pada akaun sebuah bank yang tidak aktif lebih tujuh tahun lalu.

Hanya mengetahui mengenai- nya selepas membuat semakan di kaunter Pendaftar WTD yang kini dibuka di lokasi awam.

Itu pun selepas mengetahui tentang kewujudan WTD ini setelah menemubual Pengarah Bahagian WTD, Jabatan Akauntan Negara, Datuk Zamimi Awang baru-baru ini.

Cara membuat semakan cukup mudah, hanya serahkan MyKad di kaunter atau hadir sendiri di mana-mana Jabatan Akauntan Negara di seluruh negeri.

Pegawai bertugas akan semak melalui sistem dan tidak sampai lima minit kita akan dapat tahu jika mempunyai WTD.

Tiada bayaran atau caj perkhid- matan dikenakan.

Penulis agak teruja selepas diberitahu mempunyai wang RM150 iaitu daripada akaun simpanan CIMB yang tidak aktif se- lepas tujuh tahun.

Cuba mengingatkan kembali tentang akaun tersebut, kemudi- annya baharulah menyedari yang pernah membuka akaun bank itu

ANALISIS

semasa belajar dahulu, iaitu sekitar tahun 2001 untuk kemasukan wang biasiswa.

Selepas menukar akaun bank lain kerana tamat belajar, sudah tidak peduli dengan akaun lama sedangkan masih berbaki duit simpanan walaupun kecil jumlahnya.

Anda, mungkin mempunyai pengalaman serupa. Wang tak dituntut bukan hanya terhad daripada akaun-akaun bank yang tidak aktif, tetapi berkemungkinan bayaran rebat insurans, ba- yaran eluan atau bonus daripada syarikat tempat lama bekerja atau mana-mana firma yang mempun- yai kaitan dengan kita.

Syarikat-syarikat berkenaan mungkin gagal menyerahkan sendiri wang hak kita itu kerana pertukaran alamat dan maklumat peribadi yang tidak lengkap.

Maka, pihak terbabit akan menyerahkan wang itu kepada Pendaftar WTD yang bertang- gungjawab membayar balik WTD kepada empunya wang itu.

Sebenarnya, hebahan me- ngenai WTD kepada orang ramai telah pun dibuat melalui pewartaan kerajaan yang disimpan di Perpustakaan Negara.

Apa pun yang dikesali ada dalam kalangan kita menimbulkan persepsi negatif dengan membuat tuduhan tidak berasas bahawa wang itu akan digunakan kerajaan sebagai 'wang kecemasan' untuk tujuan pembangunan kerana keku- rangan hebahan dibuat.

Tuduhan tersebut tidak benar sama sekali kerajaan akan membayar semua wang kepada empunya yang diterima dari- pada syarikat dan firma tanpa dikurangkan walau satu sen pun kerajaan. Bahagian WTD hanya bertindak sebagai pemegang amanah untuk membantu me- nyerahkan wang kepada yang berhak.